



BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Galeria PjH, Aras 6, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel: 03-8888 2630 Faks: 03-8888 5634



Ruj. Kami : JPPKK.BPN.100-1/3/1 (1)

Tarikh : 7 Mei 2019

Pengarah
Politeknik Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tuan,

ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN (DIPLOMA) EDISI 6, JUN 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel bertarikh 8 Mei 2019 kepada Ketua Unit Peperiksaan Politeknik adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah membuat semakan semula Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Pengajian di Politeknik. Buku tersebut (dalam bentuk *soft-copy*) telah pun di e-melkan kepada Ketua Unit Peperiksaan Politeknik.
3. Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6, Jun 2019 seperti yang telah di e-mel tersebut, **berkuatkuasa** pemakaiannya mulai **sesi Jun 2019**. Sehubungan itu, surat KPT.JPP.(A).800-2/1(16) bertarikh 21 April 2017 adalah **TERBATAL** serta merta.
4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada pegawai kami, Puan Masrulanita binti Mohamed di talian 018 964 0787. Kerjasama dan perhatian awal berhubung perkara ini, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ROSLI BIN IDRIS)

Pengarah
Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti